

Pemandu wajar ubah sikap atasi sesak

Kesesakan jalan raya di bandar utama berpunca daripada sikap pemandu dan tiada kemudahan infrastruktur seperti tempat letak kereta hingga menyebabkan ada yang meletak kereta secara berlapis.

Perkhidmatan awam berkesan dapat membantu mengurangkan kesesakan, tetapi hingga kini kita belum mendapat perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan pengguna menyebabkan orang ramai lebih selesa memandu kereta persendirian.

Sikap pemandu yang sering melanggar peraturan jalan raya juga menyumbang kepada kesesakan dengan berlumba-lumba serta suka memotong barisan. Disebabkan mereka, laluan yang sepatutnya tidak terganggu turut sesak kerana dihalang.

Perketat penguatkuasaan

Justeru, kerajaan perlu memperketatkan penguatkuasaan supaya setiap pemandu mengikut peraturan dan tidak mementingkan diri sendiri semasa di jalan raya hingga menyusahkan pengguna jalan raya lain.

Kerajaan juga mestilah menambahkan kemudahan infrastruktur serta menaik taraf jalan bandar dan kenderaan.

Bagi mereka sudah bekerja, tidak digalakkan balik pada waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan.

Terserah kepada pengguna jalan raya untuk memastikan ke-selesaian ketika memandu jika masing-masing mematuhi peraturan dan prihatin dengan pemandu lain, suasana di jalan raya berubah.

“Kerajaan mestilah menambah kemudahan infrastruktur”